

Anggota NAM hargai kepemimpinan kita

BH - 17/9/2006

PM serah jawatan pengerusi kepada adik Presiden Cuba

Daripada Ahmad Zaini Kamaruzzaman

HAVANA, CUBA: Selepas mengetuai NAM sejak 2003, Malaysia semalam menyerahkan jawatan pengerusi kepada Cuba dengan penuh rasa bangga berikutan kejayaan melaksanakan proses penyuburan pergerakan itu untuk menjaga kepentingan negara membangun dalam perubahan pesat dunia dan pelbagai ancaman pada peringkat antarabangsa.

Sambil menerima tepukan gemuruh delegasi 116 negara anggota dan pemerhati termasuk Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berpelukan dengan Naib Presiden Cuba, Raul Castro selepas menyampaikan ucapan terakhirnya sebagai pengerusi.

Raul mewakili abangnya, Fidel Castro yang masih menerima rawatan sebagai pengerusi NAM yang baru untuk tempoh tiga tahun akan datang sebelum diambil alih oleh Mesir.

Kepemimpinan Malaysia mendapat penghargaan pemimpin anggota NAM, termasuk Raul, Presiden Venezuela, Hugo Chavez; Presiden Iran, Mahmoud Ahmadinejad; dan Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki ketika mereka menyampaikan ucapan. Annan yang menyampaikan ucapan turut menghargai sumbangan Malaysia.

Abdullah dalam ucapannya berkata, di bawah kepemimpinan Malaysia, NAM berjaya menunaikan tanggungjawab dalam banyak bidang, termasuk isu Palestin, politik, ekonomi, perdagangan serta ancaman uniliteralisme, ketidakadilan, penyusutan semula PBB dan isu nuklear Iran.

Namun, katanya, tugas NAM belum selesai sepenuhnya kerana saki baki penjajahan masih wujud dalam bentuk lain secara halus, tetapi mendatangkan kecelakaan lebih teruk daripada penjajahan pada era imperalisme.

"Malahan, amalan dan dasar apartheid muncul di wilayah Palestin. Konflik persenjataan dan peperangan masih berlaku di serata dunia yang malangnya banyak membabitkan negara anggota NAM.

"Ancaman kemusnahan akibat nuklear tidak berkurangan dengan beratus-ratus ribu senjata nuklear masih wujud. Dunia juga terus menyaksikan tindakan unilaterisme dan penghakisan undang-undang antarabangsa serta piagam PBB," katanya.

Sehubungan itu, beliau menggariskan agenda yang perlu dikekalkan, termasuk penentangan terhadap ketidakadilan, ketidaksamarataan, eksploitasi politik dan ekonomi, ketidakadilan perdagangan, dominasi kuasa besar, ancaman senjata pemusnah besar, campur tangan dan kekerasan, pencabulan hak asasi manusia, kemunduran sosioekonomi serta ancaman keganasan antarabangsa.

Bagi memastikan agenda itu dicapai, beliau meminta negara ang-

gota menahkakan sokongan dan paduan terhadap negara yang diancam seperti Lubnan dan bersatu serta memberikan sokongan ke arah keadilan dan keamanan di Palestin yang diduduki Israel.

Mengenai masa depan NAM, beliau berkata, pergerakan itu perlu mengenal pasti ruang baru yang mempunyai kepentingan bersama, program dan aktiviti bagi membangunkan skop perhubungan dan interaksi serta mengukuhkan kerjasama seperti dalam bidang sosioekonomi serta pembangunan.

"Dalam era baru dunia, NAM perlu dinamik dan bersedia menerima perubahan. Ia mesti memodenkan diri dan bersedia berubah tanpa mengorbankan prinsip fundamental NAM. Kita perlu mengekalkan keseimbangan antara kepentingan nasional dan kepentingan bersama NAM.

"Dalam meneruskan perjuangan, kita berharap tidak disalah faham sebagai menentang mana-mana negara. NAM hanya menentang ketidakadilan dan ketidaksamarataan serta tekanan dan eksplotasi negatif

terhadap negara lemah.

Abdullah berkata, NAM gunakan kelebihan sel pertubuhan terbesar di PBB untuk mencapainya tetapi perlu bertindak sana dan pantas serta. Sementara itu, Ab-

“ Kita juga perlu menunjukkan dunia bahwa adalah perhubungan antarabangsa yang memelihara keamanan pembangunan

Abdullah



KAMI JUARA: Pemai

Oleh Zairee Zah dan Hamdan Sa